

Berita Narian 5 jun 78.

## Sidang Jakarta kaji lagi projek2

**KUALA LUMPUR, Ahad (Bernama) —** Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir berlepas ke Jakarta hari ini untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dua hari mulai esok.

Mesyuarat itu dijangka mengkaji semula kemajuan dalam perancangan lima projek perindustrian tokomenokok ASEAN.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan hubungan ASEAN dengan Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Canada dan New Zealand.

Sementara itu, sumber-sumber berkata salah satu daripada tajuk penting yang akan dibincangkan di mesyuarat di Jakarta itu ialah tentang kemajuan dalam perancangan lima projek perindustrian ASEAN.

Projek-projek itu ialah baja urea (Malaysia dan Indonesia), soda ash (Thailand), superphosphate (Filipina) dan enjin disel (Singapura).